

## UPSI, YUA meterai MoU bangun modal insan berdasarkan nilai Islam

Tanjong Malim, 4 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Yayasan Ulul Albab (YUA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkuat kerjasama strategik dalam pembangunan pendidikan serta pembangunan modal insan berdasarkan nilai Islam. Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, kerjasama ini merupakan satu manifestasi cita-cita murni untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang seimbang dari segi intelek, rohani dan sahsiah.

"UPSI dan konsep Ulul Albab sudah lama sinonim, dan penubuhan Pusat Ulul Albab UPSI membuktikan komitmen universiti dalam mengangkat martabat pendidikan Islam yang menyeluruh. Menurut beliau, pelbagai program berimpak tinggi telah dilaksanakan bersama YUA sebelum ini, antaranya International e-Conference of Ulul Albab (e-ICUA), Ikon Ulul Albab Malaysia, dan Ulul Albab Innovation Competition Exhibition (UA ICE). Turut dilaksanakan ialah pembangunan kurikulum dan modul Thalatha Tis'a, analisis keberkesanan program di peringkat awal kanak-kanak, serta kursus pedagogi bagi guru-guru yang terlibat. "Usaha ini turut merangkumi pembangunan data pelajar Ulul Albab 2024-2025, pelancaran kurikulum dan modul khas, kursus pedagogi untuk guru-guru Thalatha Tis'a serta kajian impak pelaksanaan program tersebut di Taska KEMAS Gong Kepas.

Md Amin berkata, melalui pemeteraian MoU ini, kedua-dua pihak akan memperluas skop kerjasama termasuk pembangunan modul latihan sekolah model Ulul Albab, pembinaan Standard Ulul Albab Malaysia, dan penubuhan Program Diploma Sains Ulul Albab. "Kolaborasi ini juga merangkumi penghasilan penerbitan ilmiah, promosi Konsep Andalusia 2.0, serta pelaksanaan seminar, persidangan dan bengkel bersama," katanya. Menurut beliau, UPSI komited untuk memainkan peranan sebagai pemacu kecemerlangan pendidikan negara melalui pembentukan ekosistem pendidikan Islam yang unggul dan berdaya saing. "Harapan kami agar kerjasama ini membawa kita lebih dekat kepada kegemilangan tamadun Islam yang pernah dicapai suatu ketika dahulu," ujar beliau. Majlis menandatangani MoU yang berlangsung di Bilik

Mesyuarat TRC Business Centre, Ampang, Selangor itu turut disaksikan oleh Pengerusi dan Pemegang Amanah YUA, Yang Mulia Engku Ahmad Kamel Yang Mulia Engku Taib; Setiausaha YUA, Abdul Aziz Mohamad; Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman; Pengarah Pusat Ulul Albab UPSI, Dr. Sakinah Salleh.

Sementara itu, Pengasas Yayasan Ulul Albab dan pencetus Program Thalatha Tis'a, Tan Sri Idris Jusoh berkata, MoU ini adalah langkah penting ke arah memperluas capaian pendidikan Islam yang progresif dan bersepadu. "Kita mahu lahirkan generasi Ulul Albab yang bukan sekadar cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga kukuh dari segi akidah, akhlak dan sahsiah diri. Gabungan ilmu naqli dan aqli ini adalah kunci kepada tamadun yang gemilang. Menurut beliau, pelaksanaan program ini membuktikan bahawa kanak-kanak kecil mampu menghafaz al-Quran, menguasai asas bahasa Arab, serta didedahkan kepada nilai-nilai Islam secara semula jadi dalam persekitaran yang kondusif dan menyeronokkan. Tambah beliau, UPSI adalah rakan strategik terbaik untuk merealisasikan visi Ulul Albab secara nasional dan antarabangsa. "Kami yakin, dengan kepakaran yang dimiliki UPSI dalam bidang pendidikan serta kesungguhan yang ditunjukkan, kita mampu membina satu sistem pendidikan Islam yang boleh dijadikan rujukan dunia," katanya.





## Pendidikan Tanpa Sepadan: Banduan timba ilmu di Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI

**Tanjong Malim, 3 Jun** - Seramai 20 prospek dari Penjara Kluang, Johor yang sedang mengikuti Diploma Keusahawanan Pelita Suluh Budiman Kohort 2 di bawah Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), diberi peluang menimba ilmu secara langsung di Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), UPSI. Prof. Madya Dr. Mohd Asri Mohd Noor berkata, program ini dilaksanakan bersempena Program Perkongsian Penubuhan dan Pendaftaran Perniagaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bersama pihak Penjara Kluang.

"Kejayaan kohort pertama yang bergraduat dalam Istiadat Konvokesyen UPSI ke-26 pada tahun 2024 menjadi pendorong kepada kesinambungan program ini. "Inisiatif ini selari dengan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi dan KPT untuk menyediakan pendidikan tanpa sepadan kepada semua golongan, tanpa mengira latar belakang," katanya

Katanya, peserta diberi taklimat khas oleh Pengarah SSM Negeri

Perak, Azurah Nor Sarif mengenai pelbagai skim sokongan seperti Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP), Skim 1OKU 1 Perniagaan (S1OIP) dan SSM BIZTRUST. Sementara itu, Ketua Jabatan Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan, Dr. Suzyanty Mohd Shokor, menyifatkan kerjasama ini sebagai langkah strategik dalam memperkasa ilmu keusahawanan serta memberi peluang kedua kepada peserta. "Peserta turut diberi pendedahan tentang penggunaan perpustakaan akademik, teknik pencarian sumber maklumat dalam talian, serta koleksi buku berkaitan bidang perniagaan

"Program ini membuktikan bahawa pendidikan adalah hak semua dan mampu menjadi alat pemulihan serta pembangunan diri – walaupun dari sebalik tirai besi," katanya.

Ketua Pustakawan PTB, Noriha Muhammad, menyatakan bahawa perpustakaan harus terbuka kepada semua, termasuk golongan prospek, bagi memastikan akses kepada ilmu yang berkualiti untuk pembinaan semula kehidupan.

## Bukan lagi Laluan Alternatif, UPSI Terajui Pemerksaan TVET Rentas Fakulti

**Tanjong Malim, 4 Jun** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus perkukuh peranannya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi selari aspirasi negara untuk membentuk tenaga kerja masa depan yang mampu dan berdaya saing. Pengarah Jabatan Strategik UPSI, Profesor Dr. Azmi Mohamed berkata, TVET bukan lagi dianggap sebagai laluan alternatif, sebaliknya menjadi tunjang utama dalam mendepani cabaran ekonomi dan transformasi tenaga kerja negara.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan UPSI bulan Jun yang

bertemakan 'Seni dan TVET, Pemangkin Masa Depan Lestari' bertempat di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI pada Rabu.

Ujarnya, kedudukan strategik UPSI yang terletak berhampiran Lembah Teknologi Tinggi Automotif (AHTV) membuka ruang besar untuk UPSI meneroka bidang Hard-TVET seperti kejuruteraan, robotik, elektronik dan kenderaan generasi baharu.

UPSI juga tampil proaktif terhadap keperluan Digital TVET melalui penubuhan Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi yang menumpukan latihan dalam bidang kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan, keselamatan siber dan Big Data.



## Projek Pemindahan Ilmu (KTP) – Pengupayaan Golongan Belia Wanita Melalui Kesedaran Pemilikan Perlindungan Kesihatan dan Pengurusan Stres yang Mampan

Program Pemindahan Ilmu untuk komuniti yang memfokuskan kepada golongan belia wanita di Daerah Muallim telah dilangsungkan pada 19 Oktober, 2024, bertempat di blok 10 FPE, UPSI. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi dari komuniti belia suri rumah ini, program pemindahan ilmu yang diberikan ini amat menfaat dari sudut memberikan kesedaran kepada mereka berkaitan penjanaan kewangan secara pasif dan pengurusan stres yang berkesan. Tidak dapat dinafikan, masalah kewangan dan tahap kemurungan mempunyai hubungan yang agak merunsingkan. Justeru, matlamat program adalah untuk:

1. Mewujudkan medan perkongsian ilmu dengan belia wanita berkaitan pengurusan kewangan yang mampan.
2. Meningkatkan minda belia wanita menceburkan diri dalam bidang pengurusan kewangan dan meningkatkan pendapatan keluarga
3. Memberikan pendedahan mengenai pengurusan stres yang baik dalam kalangan belia wanita.

Ilmu Yang Berjaya dipindahkan:  
Program ini memberikan impak yang besar kepada peserta belia wanita dengan meningkatkan kesedaran dan kefahaman mereka terhadap pentingnya perlindungan kesihatan

serta pengurusan stres, sekali gus membantu mereka memperoleh keseimbangan hidup yang lebih baik.

Hasil Akhir kepada Industri:

1. Membina kesedaran mengukuh kewangan
2. Cakna dengan pengurusan stres
3. Mendapatkan dan membina peluang dalam membina empayar pengurusan kewangan yang bijak.

Bagi syarikat Sixma Group Consultancy, inisiatif ini menjadi platform untuk menyumbang kepada masyarakat melalui pelaksanaan program yang menyokong pembangunan belia wanita, memastikan keberkesanan inisiatif dan menerima pengiktirafan sebagai pemimpin dalam usaha kemasyarakatan.

Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:

1. Pengiktirafan kepada pengendali program dan membantu tambah-tambah nilai kepada UPSI
2. Perolehan ilmu sepanjang hayat (jangka panjang dan jangka pendek) kepada GI, peserta institut dan penyelia institut
3. Peningkatan kemahiran pengendali program (Kemahiran Perundingan dan Penyampaian Ilmu)

Pulangan Akhir kepada UA:

1. Melahirkan seorang GI yang cakna

dengan ilmu baharu, penguasaan bidang pengurusan kewangan dan pengurusan stress yang baik

2. Hubungan baik antara UPSI dan organisasi luar iaitu pihak Industri Sixma Group Consultancy

3. Menjalankan kerjasama secara berterusan di antara UPSI bersama dengan organisasi luar, iaitu pihak industri.

Kesimpulan Projek:

Program ini meningkatkan kesedaran belia wanita tentang kesihatan dan pengurusan stres, membentuk generasi seimbang. Sixma Group menyokong pembangunan sosial, manakala UPSI memindahkan ilmu kepada masyarakat. Program ini mengurangkan tekanan sosial, meningkatkan kesejahteraan negara dan membuktikan bahawa pendekatan kolaboratif memberi impak positif kepada individu, institusi dan masyarakat.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama :

- Profesor Madya Dr. Norimah binti Rambeli @Ramlie - FPE (Ketua)
- Dr. Asmawi bin Haji Hashim - FPE
- Dr. Nurulhuda binti Md Hassan - FPM
- Dr. Siti Zubaidah binti Mohd Ariffin - FPM
- Dr. Nurliyana binti Mohd Basri - Sixma Group Consultancy
- Cik Salsabila binti Muzakhir - GI



Majlis Perhimpunan Bulanan Edisi 2025



PPI Family Day, Symphony of Unity



Sesi Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat Staf Akademik dan Pentadbiran UPSI



Mahasiswa Kejuruteraan Perisian FKMT dan Kelab Mahasiswa Istimewa UPSI Menyantuni Komuniti

